

893 mangsa banjir Terengganu pindah

Perlis pula berjaga-jaga paras empangan naik

Oleh Azman Mahmood, Adha Ghazali dan Shamsudin Husin
bhnews@bharian.com.my

KUALA TERENGGANU: Seramai 893 mangsa banjir dipindahkan ke 13 pusat pemindahan yang dibuka di empat daerah di negeri itu sejak kelmarin, berikutan banjir selepas hujan lebat sejak tiga hari lalu.

Jurucakap bilik gerakan banjir negeri, berkata semua mangsa banjir itu daripada 234 keluarga yang dipindahkan ke pusat pemindahan memabatkan sekolah, balai raya dan dewan majlis sukan sejak tengah malam kelmarin sehingga jam 4.20 petang semalam.

Katanya, hujan lebat tidak henti-henti itu menyebabkan air naik secara mengejut di semua kawasan rendah sedalam antara 0.3 meter hingga 0.5 meter.

Daerah Kemaman paling ramai dipindahkan ke tiga pusat pemindahan iaitu seramai 409 mangsa daripada 120

keluarga yang masing-masing ditempatkan di Sekolah Kebangsaan (SK) Kemasik, Balai Raya Kampung Labohan dan Balai Raya Kampung Pangkalan Ranggon.

Di Kuala Terengganu seramai 246 mangsa ditempatkan di SK Tok Jembal dan Balai Raya Kubang Ikan, manakala di Marang seramai 156 mangsa dipindahkan ke Balai Raya Tanah Lot Kubu, SK Marang, SMK Seberang Marang, Balai Raya Kampung Binjai Rendah dan SK Padang Mengkuang.

Di daerah Dungun seramai 30 mangsa ditempatkan di Dewan Majlis Sukan Negeri dan Balai Raya Pulau Serai.

Sementara itu, Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Said menyifatkan kejadian banjir yang menyebabkan lebih 800 mangsa dipindahkan sebagai fenomena luar biasa.

Beliau berkata, lebih buruk lagi kejadian banjir sudah berlaku dua kali dalam tempoh lima hari dalam bulan ini berikutan hujan lebat.

Di **PADANG BESAR**: hujan lebat melanda Perlis beberapa hari lalu menyebabkan paras takungan air di Empangan Timah Tasoh, dekat sini, meningkat secara mendadak sehingga menghampiri paras berjaga-jaga.

Difahamkan, bacaan paras air 29.27 meter yang direkodkan pada pagi semalam, dilaporkan meningkat kepada 29.34 meter pada tengah hari, iaitu kurang 0.06 meter berbanding paras berjaga-jaga di empangan berkenaan.

Kedadaan itu memaksa Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri membuka dua daripada enam pintu air di empangan terbabit untuk mengalir keluar takungan ke beberapa sungai utama, sekali gus mengurangkan paras air semasa di Timah Tasoh.

Tindakan itu diambil sebagai langkah berjaga-jaga ekoran paras air di Empangan Timah Tasoh mulai naik sehingga menghampiri paras berjaga-jaga.



KENDERAAN terkandas akibat banjir kilat di Jalan Kuala Terengganu - Kuala Berang, semalam.